



**SIARAN AKHBAR  
MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN  
BAGI MANGSA-MANGSA BENCANA DAERAH BRUNEI MUARA**

**Bandar Seri Begawan, Khamis, 2 Ogos 2018** – Mangsa-mangsa bencana rumah roboh, kebakaran rumah, banjir dan angin kencang dari beberapa buah kampung di Daerah Brunei Muara menerima bantuan kewangan kerajaan pagi ini di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kerajaan kepada mangsa-mangsa tersebut ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis turut dihadiri oleh Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd Tahir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Acara dimulai dengan bacaan surah Al-Fatihah oleh Yang Mulia Ustaz Haji Nuurmatin bin Haji Abu Bakar, Guru Ugama Terlatih Pusat Bahagia Brunei Muara dan diteruskan dengan penyampaian bantuan kewangan kerajaan kepada mangsa bencana rumah roboh di Kampung Setia 'A' yang berlaku pada 6 Mei 2018; mangsa-mangsa kebakaran rumah di Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Tanah Jambu pada 24 Mei 2018; Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Meragang pada 30 Mei 2018; Kampung Mulaut pada 4 Julai 2018; Kampung Sungai Besar pada 6 Julai 2018; Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Rimba pada 7 Julai 2018 dan Kampung Parit pada 19 Julai 2018 yang lalu.

Sebanyak tujuh buah rumah yang terlibat dalam bencana banjir di Kampung Kapok pada 16, 22 dan 23 Mei 2018 juga menerima bantuan kewangan kerajaan hari ini. Turut menerima bantuan kewangan tersebut adalah mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana angin kencang di beberapa buah kampung pada 16 Mei, 11, 12 dan 13 Julai 2018 yang lalu. Kampung-kampung yang terlibat dalam bencana angin kencang tersebut ialah Kampung Pengiran Bendahara Lama, Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rimba, Kampung Setia 'A', Kampung Perpindahan Mata-Mata, Kampung Manggis 1, Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Mata-Mata dan Kampung Delima Satu.

Bantuan kerajaan yang dihulurkan ini adalah diharapkan sedikit sebanyak akan dapat membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh para mangsa dan keluarga mereka untuk meneruskan kehidupan seperti sedia kala.

### Tamat ###

*Dikeluarkan Oleh:*

*Unit Perhubungan Awam*

*Jabatan Pembangunan Masyarakat*

*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

*Negara Brunei Darussalam*

*Tarikh: 20 Zulkaedah 1439 / 2 Ogos 2018*